



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERTHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN
BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN
TAHUN 1440 HIJRAH / 2019 MASIHI**

**HARI SELASA (MALAM RABU),
8 JAMADILAKHIR 1440H / 12 FEBRUARI 2019M
(HARI PERTAMA)**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Menghadap Kehadapan Majlis,
Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.

Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan ta'zimnya Hamba Duli Tuanku dan mewakili Penasihat serta seluruh Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun ini, menyembahkan setinggi-tinggi sembah junjung kasih di atas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Musabaqah malam ini dan seterusnya mengurniakan sabda perasmiannya.

Beribu Ampun,

Disembahkan bahawa Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun 1440 Hijrah/ 2019 Masihi terdapat sedikit perubahan, yang mana pertandingan dimulakan di Peringkat Daerah dan Masjid, peserta yang memperolehi markah 80% dan ke atas sahaja layak maju ke peringkat Separuh Akhir.

Hasilnya seramai 46 orang peserta yang layak bertanding di Peringkat Separuh Akhir dengan 10 orang peserta lagi ialah peserta-peserta yang menyertai peringkat akhir tahun lepas menjadikan jumlah para peserta musabaqah Peringkat Separuh Akhir yang diadakan pada 8hb hingga 10hb Januari 2019 di Dewan Muzakarah Pusat Persidangan Antarabangsa

Berakas seramai 56 orang, yang mana 10 orang telah berjaya memasuki Peringkat Akhir.

Maka dengan seorang johan qari dan seorang johan qariah tahun lepas sebagai johan menunggu menjadikan peserta-peserta Peringkat Akhir seramai 12 orang.

Alhamdulillah, diantara peserta di Peringkat Akhir tahun ini pernah menyertai Kursus Qari Qariah Muda yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kursus khas yang mula diadakan pada tahun 2015 itu didapati sangat membantu bagi peningkatan mutu bacaan al-Quran di negara ini. Diantara pesertanya ada yang telah mengharumkan negara dalam Musabaqah Membaca Al-Qur'an Belia-Belia Asia Tenggara pada tahun 2017.

Beribu ampun,

Demikianlah disembahkan dan sekali lagi hamba Duli Tuanku menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis ini. Demikian juga hamba Duli Tuanku menjunjung kasih atas keberangkatan:

Paduka-Paduka Adinda Hamba Duli Tuanku,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Ayanhnda Hamba Duli Tuanku,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkih,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisua
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Tetamu-Tetamu Khas,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih kepada semua pihak yang turut memberikan kerjasama bagi menjayakan majlis yang berkebajikan ini.

Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala akan mengurniakan ganjaran pahala di atas segala usaha dan bantuan serta sumbangan mereka yang ikhlas itu. Mudah-mudahan negara kita Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala selamat maju jaya dengan aman sejahtera bagi segenap isi di dalamnya.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Hamba Duli Tuanku Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,
6hb Jamadilakhir 1440/ 11hb Februari 2019.